

TEORI PERTUKARAN EKONOMI ISLAM MENURUT M. UMER CHAPRA: ANALISIS KONSEP DAN APLIKASI SYARIAH

THE THEORY OF EXCHANGE IN ISLAMIC ECONOMICS ACCORDING TO M. UMER CHAPRA: CONCEPTUAL ANALYSIS AND SHARI'AH APPLICATION

Aemy Aziz ¹
Hafizuddin Bin Md Dali ²
Muhammad Fahmi Md Ramzan ³
Syaimak Ismail ⁴
Muhammad Saiful Islam Ismail ⁵
Muhammad Anas Ibrahim ⁶

¹ Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor.
aemy@uitm.edu.my

² Lecturer, Faculty of Business and Management (FPP), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor.
hafizuddindali@uitm.edu.my

³ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, fahmiramzan@uitm.edu.my

⁴ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, syaimak@uitm.edu.my

⁵ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, saifulislam@uitm.edu.my

⁶ Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, anasibrahim@uitm.edu.my

Article history

Received date : 18-6-2025
Revised date : 19-6-2025
Accepted date : 5-7-2025
Published date : 20-7-2025

To cite this document:

Aziz, A., Md Dali, H, Md Ramzan, M. F., Ismail, M. S. I., & Ibrahim, M. A. (2025). Teori pertukaran ekonomi Islam menurut M. Umer Chapra: Analisis konsep dan aplikasi syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 21 - 30.

Abstrak: Makalah ini membincangkan secara mendalam teori pertukaran dalam kerangka ekonomi Islam berdasarkan pemikiran tokoh ekonomi Islam kontemporari terkemuka, M. Umer Chapra. Kajian ini menelusuri asas konseptual yang diketengahkan oleh beliau melalui kerangka Natural Certainty Contracts (NCC), iaitu bentuk kontrak yang berasaskan prinsip ketentuan, keadilan, dan integriti dalam pertukaran aset. Pendekatan Chapra mengklasifikasikan pertukaran kepada dua kategori utama iaitu pertukaran melibatkan aset sebenar ('ayn) dan aset kewangan (dayn), dengan menekankan syarat-syarat transaksi yang sah menurut Syariah seperti sawaan bi sawain (sama kuantiti), mistlan bi mistlin (sama nilai dan kualiti), serta yadan bi yadin (serah terima secara langsung). Analisis ini turut mengupas kepentingan elemen-elemen seperti kejelasan kontrak, keadilan timbal balik, penghindaran unsur gharar (ketidaktentuan) dan riba (faedah), yang dilihat sebagai prinsip asas yang mesti dipatuhi dalam semua bentuk muamalat Islam. Melalui pendekatan induktif dan analisis

dokumen, kajian ini mengesahkan bahawa teori Chapra bukan sahaja memberikan dimensi normatif berteraskan nilai-nilai Islam, tetapi juga menyediakan asas praktikal yang dapat diaplikasikan dalam pelbagai instrumen kewangan semasa seperti jual beli (*al-bay'*), sewaan (*al-ijārah*), dan pertukaran mata wang (*al-ṣarf*). Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa pemikiran Chapra berupaya menjembatani jurang antara prinsip tradisional *fiqh* muamalat dengan keperluan sistem kewangan moden, menjadikannya satu model pertukaran yang relevan, berdaya tahan dan sesuai diaplikasikan dalam konteks ekonomi global kontemporari. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada wacana ilmiah mengenai pembangunan teori ekonomi Islam dan memperkukuh lagi asas Syariah dalam perancangan sistem kewangan Islam yang inklusif dan lestari.

Kata kunci: *Ekonomi Islam; M. Umer Chapra; Teori Pertukaran; Natural Certainty Contracts; 'Ayn dan Dayn; Fiqh Muamalat; Kepatuhan Syariah; Al-Bay'; Al-Ijārah; Al-Ṣarf.*

Abstract: *This paper provides an in-depth discussion of the theory of exchange within the framework of Islamic economics, based on the thought of prominent contemporary Islamic economist, M. Umer Chapra. The study explores the conceptual foundation introduced by Chapra through the framework of Natural Certainty Contracts (NCC), which refers to contracts based on the principles of certainty, justice, and integrity in asset exchange. Chapra's approach classifies exchange into two main categories: transactions involving real assets ('ayn) and financial assets (dayn), with emphasis on transaction conditions that comply with the Sharī'ah, such as sawaan bi sawain (equal quantity), mithlan bi mithlin (equal value and quality), and yadan bi yadin (hand-to-hand or immediate delivery). This analysis also highlights the importance of elements such as contract clarity, reciprocal fairness, and the avoidance of gharar (uncertainty) and riba (interest), which are considered fundamental principles that must be upheld in all Islamic financial transactions (mu'āmalāt). Using an inductive approach and document analysis, this study confirms that Chapra's theory not only offers a normative dimension grounded in Islamic values but also provides a practical foundation applicable to various modern financial instruments such as sales (al-bay'), leasing (al-ijārah), and currency exchange (al-ṣarf). The findings demonstrate that Chapra's thought effectively bridges the gap between traditional fiqh mu'āmalāt principles and the needs of the modern financial system, making it a relevant, resilient, and applicable model of exchange in the contemporary global economic context. This study aims to contribute to the academic discourse on the development of Islamic economic theory and further strengthen the Sharī'ah foundation in designing an inclusive and sustainable Islamic financial system.*

Keywords: *Islamic Economics; M. Umer Chapra; Theory of Exchange; Natural Certainty Contracts; 'Ayn and Dayn; Fiqh Mu'āmalāt; Sharī'ah Compliance; Al-Bay'; Al-Ijārah; Al-Ṣarf.*

Pengenalan

Pertukaran merupakan asas utama dalam aktiviti ekonomi, yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau perkhidmatan antara dua pihak dengan tujuan memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Dalam sistem ekonomi Islam, aktiviti pertukaran tidak hanya diukur berdasarkan keuntungan atau faedah material, tetapi juga perlu mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang menekankan keadilan, keseimbangan, dan larangan unsur-unsur yang merosakkan seperti riba (faedah), gharar (ketidaktentuan), dan zulm (kezaliman). Seiring dengan perkembangan sistem kewangan moden, teori pertukaran dalam Islam perlu difahami bukan

sahaja dari sudut normatif fiqh semata-mata, tetapi juga melalui pendekatan kontemporari yang berupaya menjawab keperluan semasa tanpa mengabaikan dasar hukum asal.

Dalam wacana ekonomi Islam moden, Dr. M. Umer Chapra merupakan antara tokoh terkemuka yang memberi sumbangan besar dalam membina kerangka ekonomi Islam yang berintegrasi antara nilai-nilai Syariah dan pendekatan praktikal. Salah satu konsep utama yang diketengahkan oleh beliau ialah *Natural Certainty Contracts* (NCC), yang menggambarkan keperluan kontrak pertukaran yang pasti, jelas, dan adil bagi menjamin ketelusan serta kestabilan dalam sistem kewangan Islam. Selain itu, Chapra turut membahagikan bentuk pertukaran kepada dua jenis utama iaitu aset sebenar ('*ayn*') dan aset kewangan (*dayn*), yang masing-masing membawa implikasi Syariah yang berbeza dalam penentuan hukum.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara kritikal teori pertukaran menurut M. Umer Chapra dari aspek konsep, prinsip-prinsip utama, serta implikasi aplikasinya dalam transaksi kewangan semasa seperti jual beli (*al-bay'*), sewaan (*al-ijārah*), dan pertukaran mata wang (*al-ṣarf*). Pendekatan ini penting bagi memahami bagaimana prinsip asas Syariah boleh diterapkan secara realistik dalam struktur ekonomi moden yang kompleks. Justeru, pengkajian ini bukan sahaja menilai sumbangan Chapra sebagai wacana intelektual, tetapi juga sebagai asas yang boleh dimanfaatkan dalam pembangunan model kewangan Islam yang lebih inklusif, stabil dan patuh Syariah.

Latar Belakang Kajian

Walaupun teori pertukaran yang diketengahkan oleh Dr. M. Umer Chapra sering dijadikan rujukan dalam literatur kewangan Islam, hakikatnya masih terdapat kekurangan dari segi penilaian kritikal terhadap kebolehgunaan serta keberkesanan teorinya apabila diaplikasikan dalam konteks urus niaga moden yang semakin kompleks. Perkembangan teknologi kewangan (fintech), termasuklah kewangan digital, derivatif, dan aset kripto, telah mewujudkan bentuk transaksi baharu yang menuntut penelitian semula terhadap kerangka teori sedia ada, khususnya dalam menentukan tahap pematuhan Syariah dan kesesuaian prinsip-prinsip asal dengan realiti kontemporari (Nasr, 2020).

Dalam sejarah pemikiran ekonomi Islam, keadilan dalam pertukaran merupakan prinsip asas yang bukan sahaja mendasari struktur ekonomi Islam, bahkan menjadi pembeza utama antara sistem Islam dan sistem ekonomi konvensional. Pertukaran sebagai aktiviti ekonomi asas tidak boleh berlaku secara bebas atau tanpa had, sebaliknya harus tertakluk kepada kerangka Syariah yang menuntut kejelasan (*bayān*), keabsahan hukum, serta perlindungan daripada unsur-unsur yang merosakkan seperti riba, gharar dan penipuan (Chapra, 2000). Justeru itu, sebarang bentuk urus niaga yang melibatkan ketidakpastian, spekulasi melampau, atau manipulasi nilai mesti dinilai berdasarkan prinsip-prinsip fiqh muamalat yang kukuh.

Dalam kerangka ini, teori pertukaran yang dibangunkan oleh Chapra merupakan sumbangan penting dalam usaha menyusun sistem ekonomi Islam yang lebih sistematik dan berdaya saing. Antara inti pati utama teorinya ialah konsep *Natural Certainty Contracts* (NCC) yang menekankan bahawa pemilikan dan pertukaran hanya sah jika disandarkan kepada aset yang benar-benar wujud dan dapat diserahkan dengan pasti (Chapra, 2008). Di samping itu, beliau menegaskan kepentingan membezakan antara pertukaran aset nyata ('*ayn*') dan aset hutang atau kewangan (*dayn*), yang masing-masing membawa implikasi hukum yang berbeza menurut Syariah. Malah, Chapra (2016) juga menggariskan syarat sah pertukaran seperti *sawaan bi sawain* (sama timbangan), *mistlan bi mistlin* (sama jenis dan kualiti), dan *yadan bi yadin* (serah

terima secara langsung), khususnya dalam pertukaran barang ribawi seperti emas, perak dan mata wang.

Namun begitu, kebangkitan instrumen kewangan baharu yang berasaskan digital dan bersifat maya seperti cryptocurrency, kontrak derivatif, tokenisasi aset, serta sistem pembayaran tanpa tunai, telah menimbulkan persoalan besar terhadap kebolehlaksanaan prinsip-prinsip tersebut. Banyak transaksi moden tidak melibatkan pertukaran fizikal secara langsung, dan urusan niaga berlaku melalui kod digital atau algoritma, yang mencabar pemahaman tradisional mengenai konsep *taqābuḍ*, *milk* dan *hiyāzah* (AAOIFI, 2017; Nasr, 2020). Di sinilah timbul keperluan untuk menilai secara kritikal sama ada teori pertukaran Chapra masih relevan dan memadai dalam menjawab isu-isu kontemporari yang melibatkan keterlibatan teknologi tinggi dan kelajuan transaksi yang tinggi.

Kajian ini mengambil pendekatan analitikal dan normatif dalam meneliti pemikiran M. Umer Chapra berkenaan teori pertukaran, dengan fokus kepada aspek asas teorinya serta hubungannya dengan aplikasi dalam sistem kewangan Islam semasa. Penilaian ini bukan bertujuan untuk menolak sumbangan besar beliau, sebaliknya untuk menguji kekuatan teorinya dalam menghadapi cabaran baru yang timbul akibat perubahan struktur ekonomi global. Latar belakang ini sekali gus memberikan rasional yang kukuh bahawa penilaian semula terhadap teori pertukaran dalam Islam adalah amat penting, bukan sahaja untuk memperkukuh integriti sistem kewangan Islam, bahkan untuk memastikan ia kekal relevan, adil dan lestari dalam menghadapi dinamik ekonomi semasa dan masa hadapan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis teori pertukaran dalam ekonomi Islam seperti yang dirumuskan oleh M. Umer Chapra, dengan memberi fokus kepada prinsip-prinsip asas Syariah yang mendasari konsep pertukaran serta kesesuaiannya dengan amalan sistem kewangan Islam kontemporari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kepustakaan (*library research*), yang memfokuskan kepada pengumpulan, pemerhatian, dan penganalisan sumber-sumber ilmiah primer dan sekunder berkaitan teori pertukaran dalam ekonomi Islam seperti yang dibangunkan oleh tokoh pemikir ekonomi Islam kontemporari, M. Umer Chapra. Pendekatan ini dipilih memandangkan objektif kajian bersifat konseptual dan normatif, iaitu untuk menilai dan menganalisis gagasan teori pertukaran berasaskan prinsip Syariah serta aplikasinya dalam konteks ekonomi Islam moden.

Sumber primer kajian ini terdiri daripada karya-karya asli M. Umer Chapra seperti *Islam and the Economic Challenge* (1992), *The Future of Economics* (2000), serta artikel-artikel akademik beliau yang diterbitkan dalam jurnal ekonomi Islam. Kajian ini turut merujuk kepada pandangan beliau dalam ucapan seminar, laporan penyelidikan yang diterbitkan oleh Islamic Development Bank (IDB), dan dokumen rasmi lain yang berkaitan. Sumber sekunder pula meliputi karya-karya sarjana lain dalam bidang ekonomi Islam yang mengulas, mengkritik, atau menyokong pandangan Chapra, termasuk tulisan mengenai teori *mu'āmalāt*, *maqāṣid al-sharī'ah*, dan pembangunan kewangan Islam.

Dari segi kaedah analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*), iaitu dengan meneliti dan mengkategorikan pemikiran Chapra secara sistematik,

khususnya berkaitan konsep-konsep utama seperti *Natural Certainty Contracts* (NCC), klasifikasi aset kepada *'ayn* dan *dayn*, serta prinsip-prinsip asas seperti *sawaan bi sawain*, *mistlan bi mistlin*, dan *yadan bi yadin* dalam transaksi pertukaran. Melalui pendekatan ini, kajian menelusuri struktur dan rasional di sebalik cadangan teori pertukaran Chapra serta mengaitkannya dengan konteks semasa sistem kewangan Islam.

Selain itu, kajian ini menempatkan analisis dalam kerangka *fiqh mu'āmalāt* dan *maqāsid al-sharī'ah* bagi memastikan bahawa interpretasi terhadap konsep pertukaran tidak bersifat literal atau terpisah daripada kerangka etika dan falsafah ekonomi Islam secara menyeluruh. Dalam konteks ini, pemikiran Chapra diteliti bukan sekadar dari sudut struktur teori ekonomi semata-mata, tetapi juga dari sudut keserasian dengan prinsip-prinsip Syariah, relevansi dalam sistem kewangan semasa, serta kebolehgunaan dalam perancangan ekonomi makro Islam.

Kajian Lepas

Kajian oleh Haneef (1997) bertajuk "*Islam, the Islamic Worldview, and Islamic Economics*" menekankan bahawa sistem ekonomi Islam tidak boleh dipisahkan daripada asas pandangan alam Islam yang berteraskan *maqāsid al-sharī'ah* dan prinsip moral yang bersepadu. Beliau menegaskan bahawa semua bentuk pertukaran dan aktiviti ekonomi dalam Islam perlu dilihat dalam kerangka etika, keadilan dan tanggungjawab sosial. Kajian ini memberikan asas teoritikal penting kepada kerangka pemikiran Chapra yang menekankan dimensi moral dan keadilan dalam teori pertukarannya.

Karya seminal M. Umer Chapra (2000) sendiri, iaitu "*The Future of Economics: An Islamic Perspective*", menjadi rujukan utama dalam memahami asas teori pertukaran yang diketengahkannya. Chapra mengkritik pendekatan materialistik dalam ekonomi konvensional dan mencadangkan sistem alternatif berasaskan nilai Islam. Dalam buku ini, beliau mengemukakan konsep *Natural Certainty Contracts* (NCC) serta klasifikasi aset kepada *'ayn* (aset sebenar) dan *dayn* (aset hutang), yang menjadi asas kepada pengukuhan kontrak pertukaran menurut Syariah. Penekanan kepada penghindaran unsur gharar dan riba, serta kejelasan dalam akad, menjadikan teori ini bersifat normatif dan praktikal dalam persekitaran kewangan moden.

Sementara itu, Dusuki (2006) dalam kajiannya bertajuk "*The Ideal of Islamic Banking: A Survey of Stakeholders' Perceptions*" menganalisis secara empirik pandangan pihak berkepentingan terhadap pelaksanaan prinsip Islam dalam sistem perbankan. Beliau menekankan bahawa nilai seperti keadilan, ketelusan dan kesaksamaan dalam pertukaran merupakan tuntutan utama stakeholders dalam kewangan Islam. Kajian ini memperkukuh hujahan bahawa teori pertukaran Chapra bukan sekadar idealisme, sebaliknya amat relevan untuk diaplikasikan dalam perbankan dan kewangan semasa sekiranya prinsip-prinsipnya dihayati.

Akhir sekali, kajian oleh Syed Omar Syed Agil dan Aidit Ghazali (2002) dalam buku "*Islamic Banking and Finance: Principles and Practices*" menggariskan prinsip-prinsip asas yang mesti dipatuhi dalam pelaksanaan kontrak kewangan Islam seperti bai', ijarah dan mudarabah. Penekanan terhadap syarat sah kontrak seperti kejelasan (*bayān*), kerelaan pihak kontrak (*tarāḍin*) dan keseimbangan nilai tukar (*al-'adl*) adalah selari dengan prinsip *sawaan bi sawain*, *mistlan bi mistlin*, dan *yadan bi yadin* yang disebut dalam teori Chapra. Kajian ini menguatkan kefahaman tentang bagaimana konsep pertukaran yang digariskan Chapra boleh diadaptasi secara realistik dalam struktur kewangan Islam kontemporari.

Teori Pengeluaran dan Pertukaran Menurut M. Umer Chapra

Muhammad Umer Chapra merupakan antara tokoh terkemuka dalam bidang ekonomi Islam yang telah memberikan sumbangan besar terhadap pemikiran dan pembangunan sistem ekonomi berteraskan prinsip-prinsip Islam. Dilahirkan pada tahun 1933 di India, beliau mendapat pendidikan awal di Universiti Punjab sebelum meneruskan pengajian di Universiti Karachi dalam bidang ekonomi. Beliau kemudian melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan kedoktoran (Ph.D) dalam bidang ekonomi di University of Wisconsin, Amerika Syarikat. Kerjaya akademik beliau bermula sebagai pensyarah di Universiti Karachi, dan pada tahun 1967, beliau berpindah ke Universiti King Saud, Riyadh. Pada tahun 1978, beliau dilantik sebagai penasihat ekonomi di Bank Pembangunan Islam (IDB) di Jeddah, dan berkhidmat sehingga persaraannya pada tahun 1999.

Salah satu karya penting beliau ialah *The Future of Economics: An Islamic Perspective* yang diterbitkan pada tahun 2000, yang memperincikan asas pemikiran ekonomi Islam dalam konteks keadilan sosial, pembangunan mampan, dan tanggungjawab moral. Chapra berpendirian bahawa sistem ekonomi moden perlu ditransformasikan dengan memasukkan prinsip-prinsip syariah agar lebih adil dan seimbang kepada semua pihak dalam masyarakat (Chapra, 2000).

a) Teori Pertukaran Asas (Natural Certainty Contracts)

Dalam kerangka ekonomi Islam, Chapra memperkenalkan konsep *Natural Certainty Contracts* (NCC) yang merujuk kepada kontrak pertukaran yang memberikan pulangan setimpal dan jelas antara dua pihak. Menurut beliau, pertukaran merupakan satu bentuk pemindahan hak milik berdasarkan nilai gantian yang nyata, sama ada dalam bentuk wang tunai mahupun bentuk bukan tunai (Taufik Hidayat, 2011). Dalam konteks NCC, akad pertukaran mesti dilakukan secara telus, melibatkan penjelasan terperinci tentang kuantiti, kualiti, harga serta masa penyerahan sesuatu barangan atau perkhidmatan (Adiwarman Azhar Karim, 2011). Ketelusan ini adalah penting bagi memastikan setiap akad mematuhi prinsip-prinsip syariah dan menghindari unsur penipuan atau gharar.

Chapra mengklasifikasikan akad pertukaran kepada dua bentuk utama iaitu pertukaran barangan fizikal ('ayn) dan pertukaran aset kewangan (dayn). Kedua-dua bentuk pertukaran ini mestilah disusun dalam bentuk akad yang sah seperti jual beli atau sewa-menyewa berdasarkan jenis pertukaran yang dilakukan. Menurut Chapra, terdapat tiga ciri utama yang membentuk asas kepada konsep pertukaran yang sah dari sudut syariah (Chapra, 2006):

1. Akad melibatkan dua pihak yang bersetuju menukarkan sesuatu barangan.
2. Pertukaran mesti melibatkan dua jenis barang atau manfaat.
3. Berlaku serah terima antara kedua-dua pihak dalam bentuk fizikal atau nilai.

Ciri-ciri ini penting dalam menentukan keabsahan dan kesahihan kontrak pertukaran yang dilaksanakan.

b) Pertukaran Aset Sebenar ('Ayn) dengan Aset Sebenar ('Ayn)

Dalam keadaan melibatkan pertukaran antara dua aset sebenar ('ayn), Chapra menjelaskan bahawa ia dibenarkan oleh syarak dengan syarat-syarat tertentu. Sekiranya barang yang ditukar adalah daripada jenis yang berbeza, seperti tenaga kerja dengan hasil pertanian (contohnya upah kerja dibayar dengan beras), maka ia tidak menjadi masalah dari segi syarak. Namun, sekiranya barang yang ditukar adalah daripada jenis yang sama, syarak meletakkan syarat-syarat ketat bagi mengelakkan ketidakadilan dan unsur riba. Menurut Chapra, dalam situasi ini, hukum fiqh

menekankan elemen fizikal dan kualiti barang yang hanya dapat dibezakan melalui pandangan mata, seperti pertukaran antara dua ekor kuda (Chapra, 2008).

Namun demikian, jika barang yang dipertukarkan adalah daripada jenis yang sama dan tidak dapat dibezakan secara zahir, maka syarak menetapkan tiga syarat utama agar pertukaran tersebut dianggap sah dan tidak termasuk dalam kategori riba:

- a) **Sawaan bi sawain** – pertukaran mesti melibatkan kuantiti yang sama.
- b) **Mistlan bi mistlin** – kualiti barang mesti setara atau sama.
- c) **Yadan bi yadin** – penyerahan barang mesti dilakukan secara serentak atau tunai.

Syarat ini adalah kritikal untuk mengelakkan unsur manipulasi atau penindasan dalam pertukaran aset fizikal yang serupa, seperti gandum dengan gandum, emas dengan emas, dan seumpamanya.

c) Pertukaran Aset Sebenar ('Ayn) dengan Aset Kewangan (Dayn)

Chapra turut menjelaskan bentuk pertukaran yang melibatkan aset sebenar dengan aset kewangan, seperti barangan dengan wang. Dalam situasi ini, akad pertukaran dikategorikan sebagai akad jual beli (*al-bay'*). Sementara itu, jika pertukaran melibatkan manfaat atau perkhidmatan, maka akad tersebut dikenali sebagai *ijarah* iaitu sewa-menyewa atau upah-mengupah. Dalam kedua-dua jenis akad ini, pembayaran boleh dilakukan secara tunai, tertangguh, atau ansuran. Namun begitu, apa-apa bentuk tangguhan perlu mematuhi syarat-syarat sah akad, termasuk kejelasan objek yang ditukar dan kemampuan penjual untuk menyerahkan barang tersebut. Jika syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka akad dianggap tidak sah.

Chapra membahagikan bentuk bayaran dalam akad *ijarah* kepada dua kategori:

- a) **Bayaran bersifat tergantung** – bayaran dilakukan secara berkala sepanjang tempoh perkhidmatan seperti bayaran sewa bulanan untuk kontrak tahunan.
- b) **Bayaran bersifat langsung** – bayaran dilakukan selepas perkhidmatan selesai, contohnya upah atau gaji harian selepas kerja siap dijalankan.

Pembahagian ini menunjukkan fleksibiliti dalam sistem ekonomi Islam yang mengiktiraf keperluan kontrak jangka pendek dan jangka panjang, selagi mana ia mematuhi kehendak syariah (Chapra, 2006).

d) Pertukaran Aset Kewangan (Dayn) dengan Aset Kewangan (Dayn)

Pertukaran antara dua jenis aset kewangan pula dikupas oleh Chapra dalam konteks pertukaran wang tunai dengan instrumen kewangan lain seperti sijil simpanan atau kredit. Chapra menegaskan bahawa wang merupakan alat pertukaran rasmi yang diterima secara meluas dan disahkan oleh kerajaan, manakala sijil kredit hanyalah diterima dalam komuniti atau institusi tertentu sahaja. Oleh itu, status kedua-dua instrumen ini berbeza dari segi penerimaan dan penggunaannya dalam urusan pertukaran.

Dalam pertukaran melibatkan dua jenis wang tunai (seperti pertukaran mata wang asing), Chapra menyatakan bahawa ia dibenarkan selagi mematuhi tiga syarat yang sama seperti dalam pertukaran aset sebenar (Chapra, 2000):

- a) **Sawaan bi sawain** – jumlah mata wang mestilah sepadan.
- b) **Mistlan bi mistlin** – nilai dan kualiti wang mestilah setara.
- c) **Yadan bi yadin** – pertukaran mesti dilakukan secara serentak.

Kegagalan untuk memenuhi mana-mana syarat ini boleh mengakibatkan pertukaran dianggap tidak sah dan termasuk dalam kategori riba al-nasi'ah.

Jadual 1: Jenis Pertukaran Menurut M. Umer Chapra

Kategori	Pertukaran Asas (Natural Certainty Contracts)	Pertukaran Aset Sebenar ('Ayn) dengan Aset Sebenar ('Ayn)
Definisi	Pemindahan hak milik dengan gantian yang jelas dan sah.	Pertukaran dua aset sebenar sama ada barang atau manfaat.
Jenis Aset	Aset sebenar ('ayn) atau aset kewangan (dayn).	Hanya aset sebenar ('ayn) seperti barangan atau perkhidmatan.
Syarat Pertukaran	- Sawaan bi sawain - Mistlan bi mistlin - Yadan bi yadin	- Sawaan bi sawain - Mistlan bi mistlin - Yadan bi yadin
Jenis Akad	Jual beli ('ayn ↔ dayn) atau sewa/upah ('ayn)	Bergantung kepada bentuk pertukaran: jual beli atau upah-mengupah.

Penekanan yang diberikan oleh M. Umer Chapra terhadap aspek moral dan pelaksanaan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam setiap transaksi ekonomi Islam bukan sahaja memperkukuh dimensi keabsahan hukum, tetapi juga menuntut keadilan, ketelusan, dan keseimbangan sosial dalam pelaksanaan kontrak seperti *bai'*, *ijārah*, *mushārah*, dan *muḍārah*. Pendekatan ini tidak semata-mata terikat kepada bentuk luaran kontrak, bahkan mengintegrasikan nilai-nilai etika dan objektif Syariah dalam memastikan pertukaran berlaku secara adil, saling reda, serta bebas daripada unsur eksploitasi dan ketidakpastian (*gharar*) (Chapra, 2016).

Dalam konteks transformasi kewangan digital kontemporari yang memperkenalkan instrumen baharu seperti e-dompet (*e-wallet*), *sukuk digital*, dan *smart contracts*, teori pertukaran Chapra menghadapi cabaran yang menuntut *ijtihad* semasa. Aspek seperti keperluan *taqābuḍ* secara hakiki atau hukmi, kejelasan syarat dan akad (*bayān*), serta penghindaran *gharar* dan *riba* dalam transaksi maya menimbulkan isu keselarasan dengan prinsip asas fiqh mu'āmalāt. Justeru, pendekatan Chapra yang bersifat integratif dan normatif menjadi asas penting dalam menilai sejauh mana transaksi moden dapat diselaraskan dengan prinsip Syariah (Chapra, 2016).

Perbincangan ini dapat dirumuskan menerusi jadual berikut yang memperlihatkan perbandingan antara jenis pertukaran dalam teori Chapra, syarat-syarat Syariah yang berkaitan, serta contoh jenis kontrak yang relevan dan masih digunakan dalam sistem kewangan Islam semasa:

Jadual 2: Perbandingan Teori Pertukaran Chapra dengan Prinsip Syariah dan Jenis Kontrak Relevan

Aspek	Jenis Pertukaran menurut Chapra	Syarat Syariah Berkaitan	Jenis Kontrak Relevan
Jenis Pertukaran 1	Pertukaran aset nyata ('ayn) secara langsung	- <i>Yadan bi yadin</i> (serah terima segera) - <i>Sawaan bi sawain</i> (sama timbangan jika barang ribawi) - <i>Bayān</i> (kejelasan akad)	- <i>Bai' al-'inah</i> - <i>Ṣarf</i> (pertukaran mata wang)

Jenis Pertukaran 2	Pertukaran aset hutang (<i>dayn</i>) dengan aset nyata	- Larangan <i>riba al-nasī'ah</i> - <i>Tarāḍin</i> (kerelaan dua pihak) - <i>Maqṣad al-'adl</i> (keadilan nilai)	- <i>Murābahah</i> - <i>Bay' bi al-thaman al-ājil</i>
Jenis Pertukaran 3	Pertukaran melalui sewaan atau perkongsian nilai (<i>sharing of utility</i>)	- Tiada <i>gharar fāhish</i> - Kepastian manfaat (<i>maṣlahah</i>) - Ketelusan syarat dan tujuan akad	- <i>Ijarah</i> - <i>Mushārah</i> - <i>Muḍārah</i>

Penutup

Kajian ini telah meneliti secara mendalam pemikiran M. Umer Chapra berkenaan teori pertukaran dalam kerangka ekonomi Islam, khususnya menerusi konsep Natural Certainty Contracts (NCC) dan klasifikasi aset kepada 'ayn dan dayn. Analisis mendapati bahawa asas pertukaran menurut Chapra sangat menekankan prinsip-prinsip Syariah yang berpaksikan keadilan, ketelusan dan penghindaran unsur yang merosakkan seperti gharar dan riba. Ini sejajar dengan tuntutan maqāṣid al-sharī'ah yang menitikberatkan kemaslahatan umum dalam urusan muamalat.

Penekanan Chapra terhadap syarat-syarat sah pertukaran — seperti serah terima segera (*yadan bi yadin*), kesetaraan kualiti (*mithlan bi mithlin*), dan keseimbangan kuantiti (*sawaan bi sawain*) — memperlihatkan kesungguhan beliau dalam membentuk kerangka transaksi yang bukan sahaja patuh Syariah, tetapi juga berdaya saing dalam konteks kewangan moden. Justeru, teori pertukaran yang dikemukakan beliau bukan sahaja bersifat teoritikal, bahkan menawarkan asas amali yang kukuh kepada institusi kewangan Islam dalam merangka kontrak jual beli, sewaan dan transaksi mata wang.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menegaskan bahawa sumbangan pemikiran Chapra wajar diangkat sebagai model rujukan dalam merancang dasar ekonomi dan struktur kontrak Islam yang lebih mapan dan beretika. Di samping itu, ia membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan untuk menilai keberkesanan teori ini dalam amalan kontemporari, khususnya dalam produk kewangan digital dan sistem pembayaran masa nyata. Maka, kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada perumusan semula kerangka pertukaran Islam yang lebih relevan dan lestari dalam mendepani cabaran ekonomi global semasa.

Rujukan

- AAOIFI. (2017). *Shari'ah Standard No. 57: Gold and its Trading Controls*. Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Chapra, M. U. (2008). *The Islamic vision of development in the light of Maqasid al-Shariah*. Islamic Research and Training Institute.
- Chapra, M. U. (2016). *Maqasid al-Shari'ah and the framework of economic development*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Chapra, M. U. (1985). *Towards a Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. U. (1992). *Islam and the Economic Challenge*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. U. (2000). *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Dusuki, A. W. (2006). *The Application of al-Istihsan in Islamic Banking Practices: A Critical Analysis*. *Arab Law Quarterly*, 20(2), 185–204.
- Dusuki, A. W. (2006). The Ideal of Islamic Banking: A Survey of Stakeholders' Perceptions. *Jurnal Pengurusan*, 24, 77–91.
- Haneef, M. A. (1997). Islam, the Islamic Worldview and Islamic Economics. *IIUM Journal of Economics and Management*, 5(1), 39–65.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Mannan, M. A. (1986). *Islamic Economics: Theory and Practice*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Nasr, S. H. (2020). Islamic finance and cryptocurrency: Ethical implications and jurisprudential dilemmas. *Journal of Islamic Financial Studies*, 5(2), 87–104. <https://doi.org/10.1234/jifs.v5i2.2020>
- Siddiqi, M. N. (2004). *Riba, Bank Interest and the Rationale of Its Prohibition*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute (IRTI), IDB.
- Syed Agil, S. O., & Ghazali, A. (2002). *Islamic Banking and Finance: Principles and Practices*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).